

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Najib tidak suka perbuatan cabar-mencabar

KUALA LUMPUR, Khamis — Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru ahli dan bekas ahli Umno menghentikan perbuatan cabar-mencabar, sebaliknya kembali ke arah perpaduan.

Katanya, cabar-mencabar tidak patut timbul kerana sebagai pihak yang bertlainan pendapat, mereka tidak sepatutnya cepat melatah.

Baru-baru ini, ada ahli Umno dan ahli kumpulan Semangat 46 yang mencabar sesama mereka supaya meletakkan jawatan sebagai wakil rakyat untuk membolehkan pilihanraya kecil diadakan bagi mengukur pengaruh masing-masing.

"Yang penting, sebagai pemimpin, mereka sepatutnya menunjukkan sikap yang lebih matang dan rasional untuk memastikan tidak timbul suasana

buruk di arena politik negara," katanya.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, beliau berkata, Pemuda Umno tidak pernah mengambil tindakan buruk untuk mengeruhkan suasana politik tanahair tetapi masih ada golongan tertentu mengambil kesempatan berbuat demikian.

Sementara itu, Datuk Seri Najib berharap bekas ahli Umno, khususnya mereka yang masih "di atas pagar" supaya kembali menyertai parti itu kerana penyertaan Datuk Musa Hitam membuktikan tidak ada perbezaan ideologi antara kedua-dua pihak.

Katanya, arah aliran negara menunjukkan ramai yang akan kembali menyertai Umno, terutama selepas Barisan Nasional (BN) memenangi pilihanraya kecil Parlimen Ampang Jaya.